**PENGLIBATAN DALAM MAJLIS SUKA DUKA DAN TEMPAT BERIBADAH**

## MENGHORMATI MASJID

**Pilih jawapan yang paling tepat dari yang disenaraikan di bawah ini.**

1. **Masjid adalah tempat yang paling suci dan mulia. Oleh itu ia dikenali sebagai ……………………………**
   - **A. Tempat sembahyang**
   - **B. Rumah Allah**
   - **C. Balai Raya**

2. **Selain tempat beribadah, masjid juga dijadikan tempat mengadakan majlis-majlis keagaamaan seperti ………………………**
   - **A. Sambutan Awal Tahun Hijrah, Majlis Maulidur Rasul dan lain-lain**
   - **B. Sambutan AidilAdha, AidilFitri dan lain-lain**
   - **C. Sambutan ulangtahun Angkatan Bersenjata DiRaja Brunei, Majlis Israk Mi'raj dan lain-lain.**

3. **Di Negara Brunei Darussalam terdapat 2 masjid utama yang terletak di Bandar Seri Begawan, iaitu ……………………**
   - **A. Masjid Jame' Asr Hasanil Bolkiah dan Masjid Ash Shaliheen**
   - **B. Masjid Sultan Omar Ali Saifuddien dan Masjid Ash Shaliheen**
   - **C. Masjid Jame' Asr Hasanil Bolkiah dan Masjid Sultan Omar Ali Saifuddien**

4. **……………. masjid merupakan tanggungjawab semua rakyat di negara ini. Oleh itu kita perlu menjaganya dengan ………………… nya.**
   - **A. Menghormati – kesucian**
   - **B. Kesucian – menghormati**
   - **C. Keelokkan - baik**

5. **Dalam Islam, bersih itu adalah sebahagian daripada …..**
   - **A. Amal**
   - **B. Pekerjaan**
   - **C. Iman**

LIVEWORKSHEETS

6. Kebersihan dan keindahan persekitaran kawasan masjid hendaklah dijaga bagi menjamin ..................orang yang hendak menggunakannya.
   A. Keselesaan
   B. Keadaan
   C. Kebahagiaan

7. Salah satu cara menjaga kebersihan tempat-tempat ibadah ialah mematuhi .................... syarak iaitu tidak membenarkan masuk sesuatu yang ditegah atau dilarang ke dalam masjid atau tempat ibadah.
   A. Semua
   B. Hukum
   C. Rukun

8. Jangan ....................... di dalam masjid merupakan antara perkara yang perlu dilakukan untuk menjaga kebersihan dan adab di dalam masjid.
   A. Membuka kasut
   B. Bergurau senda
   C. Berdiri

9. Kita sebagai tetamu masjid atau balai ibadah hendaklah ber........... mulia.
   A. Akhlak
   B. Budi
   C. Hati

10. Jika kita tidak menjaga adab dalam masjid sudah pasti semua amalan dan ibadah yang dilakukan tidak ................
   A. Dihina
   B. Mulia
   C. Sempurna

[20 Markah]

SELESAI

LIVEWORKSHEETS